# PELAN STRATEGIK
## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
## 2025 2027

## KE ARAH PERKHIDMATAN KASTAM UNGGUL

CEKAP • TANGKAS • INTEGRITI

# PELAN STRATEGIK
## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
## 2025 2027

## KE ARAH PERKHIDMATAN KASTAM UNGGUL

**Cetakan Pertama, 2025**
Hak Cipta Terpelihara©
Jabatan Kastam Diraja Malaysia

**Hak Cipta Terpelihara**
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

**Diterbitkan Oleh:**
Bahagian Perancangan Korporat
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2
62596 Putrajaya, Malaysia

No. Tel : +603-882 2100/2300 | E-mel : ups@customs.gov.my | Laman Web : www.customs.gov.my

# KANDUNGAN

# KANDUNGAN

## BAHAGIAN I :
### PENDAHULUAN


| | |
|---|---|
| Perutusan Perdana Menteri | 2 |
| Prakata Menteri Kewangan 2 | 4 |
| Prakata Ketua Setiausaha Perbendaharaan | 5 |
| Prakata Ketua Pengarah Kastam | 6 |
| Ringkasan Eksekutif | 8 |
| Pengenalan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) | 10 |
| Carta Organisasi JKDM | 11 |
| Fungsi dan Peranan JKDM | 12 |
| Punca Kuasa JKDM | 13 |
| Pemegang Taruh, Rakan Strategik dan Pelanggan JKDM | 14 |
| Punca Kuasa Pelan Strategik JKDM | 15 |
| Evolusi Pelan Strategik JKDM | 16 |
| Jawatankuasa Induk Pelan Strategik JKDM | 17 |
| Jawatankuasa Teknikal dan Sekretariat Pelan Strategik JKDM | 18 |


## BAHAGIAN II :
### HALA TUJU STRATEGIK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)


| | |
|---|---|
| Senario Perubahan Persekitaran – Naratif Global | 20 |
| Senario Perubahan Persekitaran – Naratif Nasional | 33 |
| Visi, Misi dan Slogan JKDM | 43 |
| Etika Perkhidmatan JKDM | 45 |
| Teras - teras Strategik | 46 |
| Model Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2025-2027 | 47 |


## BAHAGIAN III :
### MEKANISME PELAKSANAAN


| | |
|---|---|
| Pelan Strategik JKDM 2025-2027 & Jentera Pelaksana | 50 |
| Fungsi dan Tanggungjawab Jawatankuasa & Urusetia | 51 |
| Pelan Tindakan Strategik | 52 |
| Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan | |
| • Pelan Tindakan Strategik | 52 |
| • Laporan Pelaksanaan | 52 |
| Kaedah Pengukuran | 53 |
| Penilaian Keberkesanan : Kajian Impak | 54 |
| Analisis Prestasi Pelan Strategik | 55 |
| Penutup | 56 |
| Penghargaan | 57 |
| Rujukan | 61 |



# BAHAGIAN I

# PENDAHULUAN

# PERUTUSAN

## YANG AMAT BERHORMAT
## PERDANA MENTERI MALAYSIA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

Alhamdulillah, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT. Dengan limpah kurnia-Nya, kita terus diberi kesempatan untuk melakar pembangunan yang lestari, bersandarkan nilai-nilai manusiawi seperti yang didambakan dalam kerangka Ekonomi MADANI.

Dalam ikhtiar kita senegara untuk memperbetulkan struktur ekonomi, kita harus cakna akan dunia yang kian menular keberentakan, sementelahan teknologi pula semakin deras maju. Kita tidak boleh berdegil duduk menyaksikan perubahan yang boleh menggugat kelangsungan hidup rakyat. Hatta, setiap institusi negara harus senantiasa bersedia melaksanakan anjakan paradigma demi menjamin kemandirian negara dan rakyat.


Peluncuran Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) 2025 – 2027 ini merupakan satu usaha penting dalam memperkukuh hala tuju strategik agensi penguatkuasaan hasil negara yang begitu signifikan peranannya. Dengan kemajuan teknologi serta kebangkitan kecerdasan buatan (AI), persekitaran perdagangan dan percukaian menjadi semakin rumit - ditambah pula dengan jenayah kolar putih dan penyeludupan yang semakin licik.

Justeru, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JKDM atas komitmen yang ditunjukkan dalam menyahut cabaran-cabaran getir ini. Besarlah harapan saya agar warga JKDM kekal berkhidmat dengan tatakelola baik, iltizam, serta semangat kebangsaan yang tinggi.

Marilah kita jadikan JKDM bukan sekadar penjaga hasil negara, tetapi juga peneraju dalam mewujudkan sistem perdagangan dan persekitaran perniagaan yang adil serta mampan. Moga segala usaha murni ini diberkati Allah SWT, dan semoga JKDM terus unggul dalam menyumbang kepada kemakmuran negara.

Sekian, terima kasih.

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN



# PRAKATA
## MENTERI KEWANGAN II

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani**



Syabas dan tahniah diucapkan kepada JKDM atas penghasilan Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) 2025-2027.

Pelan ini dibangunkan secara holistik dengan mengambil kira isu dan senario semasa yang dihadapi ke arah perkhidmatan Kastam yang lebih cemerlang. Melalui pelan ini JKDM komited untuk memperkukuh peranan sebagai pemungut cukai tidak langsung negara yang utama dan pemberi fasilitasi perdagangan.

JKDM juga telah memanfaatkan peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan melalui penggunaan mesin pengimbas berteknologi tinggi yang menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk mempercepat proses pelepasan barangan dan meminimumkan ketirisan hasil ke arah meningkatkan daya saing ekonomi negara.

Saya amat berbangga dengan kejayaan JKDM yang telah melakar kecemerlangan dalam pungutan hasil. Ini mencerminkan komitmen tinggi seluruh warga JKDM dalam melaksanakan tugas dengan penuh profesionalisme, dedikasi dan bertanggungjawab. Saya juga berharap JKDM terus mengekalkan semangat berpasukan yang tinggi bagi mencapai keunggulan yang diazamkan melalui pelan ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada seluruh warga JKDM atas iltizam yang ditunjukkan dalam merencanakan pelan ini. Saya berharap sokongan padu dapat diberikan dalam merealisasikan pelan ini demi menjamin masa depan perkhidmatan JKDM yang lebih unggul dan lestari.

Sekian, terima kasih.

**YB SENATOR DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN**
MENTERI KEWANGAN II

# PRAKATA
## KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani**

Syukur ke hadrat Ilahi atas kurniaNya, JKDM berjaya menghasilkan Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) 2025-2027.


Kolaborasi antara JKDM dan Perbendaharaan adalah penting dalam memastikan dasar-dasar fiskal negara dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pelan Strategik ini dirangka dengan visi yang jauh ke hadapan untuk memastikan JKDM terus kekal relevan, proaktif dan responsif dalam menghadapi cabaran ekonomi global dan menjamin rangkaian perdagangan yang selamat. Pelan ini akan menjadi panduan yang ampuh dalam meningkatkan kecekapan operasi, memperkukuh integriti organisasi dan seterusnya menyumbang secara signifikan kepada kemampanan ekonomi negara.

Saya percaya bahawa dengan semangat profesionalisme oleh seluruh warga JKDM, lebih banyak kejayaan boleh dicapai dengan lebih cemerlang. Perbendaharaan akan terus menyokong usaha-usaha JKDM dalam memastikan hasil negara dapat dipungut dengan cekap, tangkas dan berintegriti. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga JKDM atas komitmen dan prestasi yang cemerlang. Teruskan usaha murni ini, dan ingatlah bahawa setiap titik peluh yang dicurahkan adalah sumbangan besar kepada kemakmuran negara.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**YBHG. DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN**
KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN



# PRAKATA
# KETUA PENGARAH KASTAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka terhasillah buku Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang diberi nama “Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2025-2027: Ke Arah Perkhidmatan Kastam Unggul”.

Dalam menghadapi cabaran ekonomi global yang semakin kompleks serta perkembangan pesat dalam perdagangan antarabangsa, keperluan untuk mentransformasikan perkhidmatan Kastam menjadi lebih cekap, berdaya saing dan inovatif adalah amat penting.

Buku ini adalah sebagai wadah ke arah melaksanakan perubahan yang lebih baik seiring dengan hasrat pemegang taruh yang menekankan kepada pengukuhan tatakelola, memperkasakan rakyat dan negara melalui Pelan Strategik JKDM yang komprehensif.

Seperti mana firman-Nya yang bermaksud:

**"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri"**

(Surah Al-Ra'd, 13:11)

Buku ini menjadi asas kepada warga JKDM dalam melaksanakan perubahan berkesan di samping memperkukuh peranan serta fungsi Jabatan sejajar dengan visi JKDM yang baharu, "Perkhidmatan Kastam Unggul" yang berpaksikan kepada Etika Perkhidmatan iaitu Amanah, Berkhidmat, Ikhlas, Dedikasi (ABID). Misi JKDM, "Memperkasa Pungutan Hasil dan Keterjaminan Rangkaian Perdagangan" adalah manifestasi perubahan yang berfokus kepada meningkatkan hasil, meminimumkan ketirisan dan menyediakan fasilitasi perdagangan selaras dengan slogan JKDM "Cekap, Tangkas, Integriti".

Justeru, saya merakamkan penghargaan dan penghormatan kepada semua pihak yang bertungkus lumus membangunkan Pelan Strategik ini. Komitmen dan dedikasi yang tinggi daripada semua pihak dalam mengeluarkan idea telah menghasilkan pelan tindakan yang baik ke arah kecekapan dan keberhasilan perkhidmatan Kastam.

Akhir kata, saya menyeru kepada seluruh warga JKDM agar berganding bahu dalam menjayakan inisiatif-inisiatif yang telah dirangka melalui program-program dalam Pelan Strategik dengan mengamalkan semangat kerja secara berpasukan dan dedikasi yang tinggi. Dengan tekad dan usaha yang padu, saya yakin JKDM akan terus kekal relevan pada masa hadapan dalam menjadikan Malaysia sebagai hab perdagangan di rantau ini.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN**
KETUA PENGARAH KASTAM



# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) 2025-2027 dibangunkan berdasarkan arahan Ketua Pengarah MAMPU melalui Panduan Pembangunan Pelan Strategik Organisasi Sektor Awam (PSOSA).

Pelan Strategik ini bertujuan bagi memastikan JKDM terus berdaya saing sebagai pemungut cukai tidak langsung utama dan menjadi agensi yang lebih proaktif dalam menangani perubahan landskap ekonomi negara serta cabaran keselamatan rangkaian perdagangan.

Pelaksanaan Pelan Strategik ini diprogramkan untuk tempoh tiga (3) tahun berteraskan visi baharu "Perkhidmatan Kastam Unggul" dan misi "Memperkasa Pungutan Hasil dan Keterjaminan Rangkaian Perdagangan". Ia merupakan usaha penting dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan Kastam. Pelan ini turut mengambil kira aspirasi tujuh (7) Pasak Ekonomi MADANI yang digariskan oleh kerajaan untuk mencapai kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat serta selaras dengan hasrat Perdana Menteri yang mengarahkan pelaksanaan reformasi dalam kalangan penjawat awam.

Kesimpulannya, Pelan Strategik ini menjadi asas untuk JKDM merancang, melaksana dan menilai keberkesanan program-program dalam mempertingkat kualiti penyampaian perkhidmatan dan prosedur. JKDM berkeyakinan bahawa semua strategi dan program yang dirancang dapat direalisasikan melalui penghayatan Etika Perkhidmatan iaitu Amanah, Berkhidmat, Ikhlas dan Dedikasi (ABID). JKDM berharap agar setiap warga dapat meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan melalui pelaksanaan tugas yang cekap, tangkas dan integriti seterusnya dapat mencapai ke arah "Perkhidmatan Kastam Unggul".

Pelan Strategik ini adalah berpaksikan kepada empat (4) Teras Strategik yang menggambarkan komitmen JKDM ke arah keberhasilan dan kejayaan penyampaian perkhidmatan melalui strategi-strategi dan program-program yang dirancang.

Teras Strategik adalah seperti berikut:

**TERAS STRATEGIK 1** — **Memperkukuh Tatakelola**

**TERAS STRATEGIK 2** — **Memperkasa Pungutan Hasil**

**TERAS STRATEGIK 3** — **Memudah Cara Fasilitasi Perdagangan**

**TERAS STRATEGIK 4** — **Mematuhi Perundangan dan Peraturan**

**Teras 1** menumpukan kepada enam (6) strategi iaitu

| STRATEGI 1 | STRATEGI 2 | STRATEGI 3 | STRATEGI 4 | STRATEGI 5 | STRATEGI 6 |
|---|---|---|---|---|---|
| Memperkasakan Struktur Organisasi | Peningkatan Kompetensi dan Kebajikan Pegawai | Peningkatan Automasi dan Pendigitalan | Pengurusan Sumber dan Infrastruktur Digital | Pengukuhan Tatakelola dan Kepatuhan | Kerjasama Antarabangsa dan Hubungan Strategik |

**Teras 2** menumpukan kepada empat (4) strategi iaitu

| STRATEGI 1 | STRATEGI 2 | STRATEGI 3 | STRATEGI 4 |
|---|---|---|---|
| Pendigitalan dan Automasi Sistem Pungutan | Pengurusan Risiko dan Ketahanan Sistem | Penggunaan Teknologi dan Inovasi | Peningkatan Kecekapan dan Produktiviti |

**Teras 3** menumpukan kepada empat (4) strategi iaitu

| STRATEGI 1 | STRATEGI 2 | STRATEGI 3 | STRATEGI 4 |
|---|---|---|---|
| Pendigitalan Perkhidmatan Perdagangan | Memantapkan Infrastruktur ICT Perdagangan | Kerjasama Antarabangsa dan Penyelarasan Jaringan Dagangan | Penyusunan Semula Prosedur dan Integrasi Sistem Jabatan |

**Teras 4** menumpukan kepada empat (4) strategi iaitu

| STRATEGI 1 | STRATEGI 2 | STRATEGI 3 | STRATEGI 4 |
|---|---|---|---|
| Penguatkuasaan dan Kawalan Keselamatan | Pemantapan Undang-Undang dan Prosedur Jabatan | *Profiling* dan *Targeting* yang Lebih Efektif | Pencegahan Ketirisan Hasil dan Pemantauan Berterusan |

# **PENGENALAN** JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA




Sejarah percukaian negara bermula semenjak Kerajaan Melayu Melaka abad ke-15, di mana tugas memungut cukai kastam dikawal oleh Penghulu Bendahari. Seterusnya, undang-undang *The Revenue Farms Enactment* No. 11, 1904 diperkenalkan dengan memberikan tanggungjawab kepada Pengawal Kastam untuk mengurus aktiviti kutipan cukai barang import, minuman keras dan jualan candu melalui *Tax Farming System*.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada bulan Ogos 1957 sekali lagi Jabatan Kastam dan Eksais dari segi struktur pentadbirannya disusun semula untuk memenuhi keperluan Tanah Melayu yang merdeka. Pentadbiran Jabatan Kastam dan Eksais telah diletakkan di bawah Kementerian Kewangan yang diketuai oleh seorang Pengawal Kastam dan Eksais yang bertanggungjawab kepada Menteri Kewangan.

Jabatan Kastam dan Eksais telah berjaya mengharungi cabaran dari semasa ke semasa untuk memenuhi tanggungjawab sebagai pemungut hasil negara. Sebagai pengiktirafan ke atas sumbangan tersebut, DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menganugerahkan gelaran 'Diraja' kepada jabatan pada 20 Oktober 1963 menjadi Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja dan kini dikenali sebagai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Pada masa ini, JKDM merupakan sebuah agensi kerajaan persekutuan di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab mentadbir pelaksanaan sistem cukai tidak langsung negara melalui pungutan hasil, pemberian fasilitasi perdagangan dan perindustrian kepada komuniti perniagaan serta menguatkuasakan undang-undang dalam membanteras penyeludupan barang bagi menjamin keselamatan dan kemakmuran negara.

# CARTA ORGANISASI JKDM




**NOTA SKIM JAWATAN :**

| | |
|---|---|
| **PK** | PENGUASA KASTAM |
| **PTD** | PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK |
| **PU** | PEGAWAI UNDANG-UNDANG |
| **PTM** | PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| **PS** | PEGAWAI SIASATAN |

**NOTA WARNA BAHAGIAN / CAWANGAN :**

| | |
|---|---|
| | PENGUATKUASAAN |
| | SIASATAN KHAS |
| | PASUKAN TEMPUR OPERASI MEDAN KASTAM (COBRA) |
| | PEMATUHAN |
| | PERKASTAMAN |
| | CUKAI DALAM NEGERI |
| | PERKHIDMATAN TEKNIK |
| | PENGURUSAN |
| | UNDANG-UNDANG |
| | INTEGRITI |
| | NEGERI-NEGERI |

# FUNGSI DAN PERANAN JKDM

| | |
|---|---|
| **PUNGUTAN HASIL NEGARA** | • Memungut cukai tak langsung seperti duti import, duti eksport, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan duti eksais.<br>• Menyumbang kepada pendapatan negara melalui pungutan cukai yang betul. |
| **FASILITASI PERDAGANGAN** | • Memastikan proses import dan eksport barangan berjalan lancar dengan pelaksanaan sistem yang cekap seperti Sistem Maklumat Kastam (SMK). |
| **PEMATUHAN KEPADA PERUNDANGAN DAN PERATURAN** | • Menguatkuasakan akta-akta dan undang-undang berkaitan yang ditadbir oleh JKDM untuk memastikan pematuhan oleh pemain industri, syarikat dan individu.<br>• Membanteras aktiviti penyeludupan dan penyelewengan cukai. |
| **PERLINDUNGAN KESELAMATAN DAN SOSIAL** | • Menjamin keselamatan dan kedaulatan negara dengan memperkukuh kawalan terhadap kemasukan barangan tiruan, dadah, senjata api serta bahan berbahaya melalui pelaksanaan undang-undang dan penguatkuasaan yang menyeluruh.<br>• Menyaring kemasukan barangan yang mematuhi standard keselamatan dan kesihatan negara. |
| **SOKONGAN KEPADA EKONOMI NEGARA** | • Memberikan insentif cukai kepada pemain industri untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi.<br>• Menjamin aliran perdagangan antarabangsa yang stabil demi menyokong ekonomi negara. |
| **PENDIDIKAN DAN KESEDARAN** | • Memberikan penerangan dan bimbingan kepada pemain industri mengenai undang-undang percukaian kastam.<br>• Menjalankan program latihan kepada pemain industri untuk memastikan kesedaran kepada perundangan dan peraturan. |

# PUNCA KUASA JKDM

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)** menjalankan tugas dan tanggungjawabnya berdasarkan punca kuasa yang termaktub dalam akta dan peraturan. Berikut adalah antara akta-akta utama yang berada di bawah bidang kuasa JKDM:



# PEMEGANG TARUH, RAKAN STRATEGIK DAN PELANGGAN JKDM





## RAKAN STRATEGIK

- AGENSI-AGENSI KERAJAAN
- AGENSI-AGENSI ANTARABANGSA
- INSTITUSI KEWANGAN & PERBANKAN
- MEDIA
- BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

## PELANGGAN JABATAN

- PENGILANG BERDAFTAR & PEMBERI PERKHIDMATAN BERDAFTAR
- EJEN KASTAM, EJEN PENGHANTARAN & EJEN PERKAPALAN
- PENGIMPORT & PENGEKSPORT
- PENGUSAHA, PENIAGA & KONSULTAN
- RAKYAT & ORANG AWAM
- WARGA JABATAN


# PUNCA KUASA PELAN STRATEGIK JKDM



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH MAMPU
BILANGAN 2 TAHUN 2021

PANDUAN PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ORGANISASI SEKTOR AWAM



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI
Aras 1-6, Setia Perdana 2
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8888 3163
Portal Rasmi : www.mampu.gov.my

Rujukan: MAMPU.600-1/17/3 (2)
Tarikh: 17 September 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian;
Semua Ketua Jabatan Persekutuan;
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri;
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan;
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri; dan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.

SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH MAMPU
BILANGAN 2 TAHUN 2021

PANDUAN PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ORGANISASI SEKTOR AWAM

TUJUAN

1. Arahan ini bertujuan menerangkan Panduan Pembangunan Pelan Strategik Organisasi Sektor Awam (PSOSA) seperti yang disediakan dalam **Lampiran A** sebagai rujukan agensi sektor awam.

LATAR BELAKANG

2. Setiap organisasi sektor awam bertanggungjawab membuat perancangan dan tindakan berdasarkan fungsi dan peranan masing-masing demi menyumbang kepada kejayaan agenda nasional. Perancangan dan tindakan tersebut perlulah dijajarkan supaya selari dengan agenda nasional. Penjajaran strategik dilakukan bertujuan

BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

(Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia 2021)

**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH MAMPU BIL. 2 TAHUN 2021**

**PANDUAN PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ORGANISASI SEKTOR AWAM (PSOSA)**

BERTARIKH
17 SEPTEMBER 2021

# EVOLUSI PELAN STRATEGIK JKDM

**Pelan Strategik JKDM 2025-2027** adalah kesinambungan kepada pelan-pelan strategik yang lalu. Pelan ini dibangunkan bagi memeta hala tuju, rangka dasar agenda pembangunan, pemodenan pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan bagi tempoh tiga (3) tahun (2025 - 2027).



# JAWATANKUASA INDUK

## PELAN STRATEGIK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA 2025-2027

**PENGERUSI JAWATANKUASA TERTINGGI**

**KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN

**NAIB PENGERUSI I**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PERKASTAMAN & CUKAI DALAM NEGERI)**

DATO' AIDID BIN TAJUDDIN

**NAIB PENGERUSI II**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PENGUATKUASAAN & PEMATUHAN)**

TUAN RIBUAN BIN ABDULLAH

**PENASIHAT SEKRETARIAT**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PENGURUSAN)**

TUAN MOHD DAUD BIN MOHD ARIF

**PENGERUSI SEKRETARIAT**

**PENGARAH (BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT)**

TUAN DURAIRAJOO A/L MUNIANDY

# JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN SEKRETARIAT

## PELAN STRATEGIK JKDM 2025-2027

**PENGERUSI**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PERKASTAMAN & CUKAI DALAM NEGERI)**

DATO' AIDID BIN TAJUDDIN

**TIMBALAN PENGERUSI**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PENGURUSAN)**

TUAN MOHD DAUD BIN MOHD ARIF

| AHLI JAWATANKUASA | AHLI JAWATANKUASA | AHLI JAWATANKUASA | AHLI JAWATANKUASA | AHLI JAWATANKUASA | AHLI JAWATANKUASA |
|---|---|---|---|---|---|
| **PENOLONG KETUA PENGARAH KASTAM (CUKAI DALAM NEGERI)** | **PENOLONG KETUA PENGARAH KASTAM (PENGUATKUASAAN)** | **PENGARAH (KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA)** | **PENGARAH (TEKNOLOGI MAKLUMAT)** | **PENGARAH (PERKASTAMAN)** | **PENGARAH (AKADEMI KASTAM DIRAJA MALAYSIA)** |
| PUAN ALMIRULITA BINTI MOHD YUSOFF | PUAN RAIZAM BINTI SETAPA @ MUSTAPHA | TUAN ZURAIDI BIN HUSAIN | TUAN KAMARULZAMAN BIN MAT ZAIN | PUAN WAN MARINI BINTI WAN HAMZAH | PUAN ZURAINI BINTI OTHMAN |

| AHLI JAWATANKUASA | AHLI JAWATANKUASA | AHLI JAWATANKUASA | AHLI JAWATANKUASA | AHLI JAWATANKUASA | AHLI JAWATANKUASA |
|---|---|---|---|---|---|
| **PENGARAH (PERKHIDMATAN TEKNIK)** | **PENGARAH (PERANCANGAN KORPORAT)** | **PENGARAH (PENGURUSAN PEMATUHAN)** | **KETUA CAWANGAN (INTEGRITI)** | **TIMBALAN PENGARAH (CAWANGAN HAL EHWAL ANTARABANGSA)** | **KETUA UNIT (KEY PERFORMANCE INDICATORS)** |
| TUAN WONG PUN SIAN | TUAN DURAIRAJOO A/L MUNIANDY | PUAN NORIZAH BINTI ABDULLAH | PUAN AZIAN BINTI UMAR | TUAN MOHAMMAD FURIMAN BIN HATTAR | TUAN MOHD HAFIZ BIN WAGIO |

| JAWATANKUASA SEKRETARIAT | JAWATANKUASA SEKRETARIAT | JAWATANKUASA SEKRETARIAT | JAWATANKUASA SEKRETARIAT | JAWATANKUASA SEKRETARIAT | JAWATANKUASA SEKRETARIAT | JAWATANKUASA SEKRETARIAT | JAWATANKUASA SEKRETARIAT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| TUAN ABDUL JALIL BIN REJAB | TUAN AZMAN BIN ABDUL AZIZ | TUAN MOHD HEIKAL BIN MOHD ISA | PUAN HALIMAH BINTI AB GHANI | PUAN NOORAJLITA BINTI NASRON | TUAN HAFIZUL BIN ZAINORDIN | PUAN NOR FARAHINIE BINTI SAUPI | ENCIK MOHD SHUKRI BIN ISMAIL |

# BAHAGIAN II

# HALA TUJU STRATEGIK
## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

# SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN
## NARATIF GLOBAL

# SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN - NARATIF GLOBAL

Isu strategik dan cabaran yang dihadapi oleh JKDM dalam tempoh tiga (3) tahun akan datang berdasarkan senario perubahan persekitaran dan naratif global semasa adalah seperti berikut:

1. ***World Bank***
   - *Doing Business* (DB) *Ranking*
   - *Trade Across Borders* (TAB) *Ranking*
   - *Logistics Performance Index* (LPI) *Score*
2. ***World Economic Forum***
   - *Global Competitiveness Index*
3. ***World Customs Organization* (WCO)**
4. **Pemeteraian Perjanjian Antarabangsa**
5. **Penglibatan JKDM di Peringkat Antarabangsa**
6. **Kerjasama di Peringkat Antarabangsa**

# NARATIF GLOBAL

## *Doing Business* (DB) *Ranking*




**Rajah 2.1 :** *Doing Business Ranking (World Bank, 2020)*

Rajah 2.1 menunjukkan Malaysia berada di tangga ke-12 dalam laporan *Ease of Doing Business 2020* dengan skor keseluruhan 81.5, menandakan prestasi yang baik dalam beberapa aspek utama. Malaysia cemerlang dalam *Dealing with Construction Permits* (pengurusan permit pembinaan) dan *Protecting Minority Investors* (perlindungan pelabur minoriti), masing-masing di tempat ke-2 dunia, serta berada di kedudukan ke-4 bagi *Getting Electricity* (kemudahan mendapatkan bekalan elektrik).

Namun, Malaysia masih menghadapi cabaran besar dalam *Starting a Business* (memulakan perniagaan), yang berada di tangga ke-126, jauh lebih rendah berbanding aspek lain. Urusan *Trading Across Borders* (perdagangan merentas sempadan) dan *Paying Taxes* (pembayaran cukai) juga menunjukkan potensi untuk diperbaiki, dengan kedudukan ke-49 dan ke-80. Secara keseluruhan, Malaysia menawarkan persekitaran perniagaan yang mesra tetapi masih perlu memperbaiki proses permulaan perniagaan untuk lebih berdaya saing di peringkat global.

Mulai tahun 2020, *World Bank* telah menamatkan penerbitan laporan *Doing Business* dan memperkenalkan inisiatif baharu yang lebih komprehensif dikenali sebagai *Business Ready* (B-READY) sebagai rangka kerja penilaian persekitaran perniagaan yang baharu.

# NARATIF GLOBAL

## *Trade Across Borders* (TAB) *Ranking*

### *Trade Across Borders* (TAB) *Ranking*

TAB *Ranking* merujuk kepada *Trade Across Borders Ranking*, iaitu kedudukan sesebuah negara dalam aspek kemudahan perdagangan rentas sempadan. Penilaian ini biasanya dilakukan oleh organisasi seperti *World Bank* melalui laporan *Ease of Doing Business*.

TAB *Ranking* ditentukan berdasarkan beberapa faktor utama iaitu:

1. **Dokumentasi Perdagangan**
   Bilangan dokumen dan masa yang diperlukan untuk memproses aktiviti import dan eksport.


2. **Pematuhan Sempadan**
   Masa dan kos yang diperlukan untuk pemeriksaan* dan pelepasan barang di sempadan.

3. **Proses Logistik**
   Kecekapan dan keberkesanan penghantaran barangan merentasi sempadan.

Semakin rendah kedudukan TAB *Ranking*, semakin baik prestasi sesebuah negara dalam memudahkan urusan perdagangan antarabangsa.

* Mulai tahun 2025, peranan ini diambil alih oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS)

### ASEAN TAB *Ranking*




| | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 |
|---|---|---|---|---|---|
| Singapore | 41 | 41 | 42 | 45 | 47 |
| Malaysia | 49 | 60 | 61 | 48 | 49 |
| Thailand | 56 | 56 | 57 | 59 | 62 |
| Brunei | 121 | 142 | 144 | 149 | 149 |
| Indonesia | 105 | 108 | 112 | 116 | 116 |
| Philippines | 95 | 95 | 99 | 104 | 113 |

**Rajah 2.2 :** *ASEAN TAB Ranking (World Bank, 2020)*


Rajah 2.2 menunjukkan pada tahun 2016 hingga tahun 2018, prestasi TAB Malaysia menunjukkan penurunan dari kedudukan ke-49 ke kedudukan ke-61 dan meningkat ke kedudukan ke-49 pada tahun 2020.

# NARATIF GLOBAL

## *Trade Across Borders* (TAB) *Ranking*

### Malaysia TAB *Ranking*

Rajah 2.3 menggambarkan prestasi Malaysia dalam penarafan **TAB *Ranking*** dengan menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan, apabila kedudukan negara meningkat daripada tangga ke-49 pada tahun 2016 kepada tangga ke-49 pada tahun 2020. Lonjakan ini menggambarkan kemajuan berterusan Malaysia dalam mempermudah urusan perdagangan rentas sempadan serta keberkesanan pelaksanaan reformasi prosedur kastam dan logistik.




| | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 |
|---|---|---|---|---|---|
| TAB Ranking | 49 | 60 | 61 | 48 | 49 |
| TAB Score | 83.7 | 83.7 | 84.1 | 88.5 | 88.5 |
| Time to export: Documentary (hours) | 10 | 10 | 10 | 10 | 10 |
| Time to import: Documentary (hours) | 10 | 10 | 10 | 7 | 7 |
| Time to export: Border (hours) | 48 | 48 | 45 | 28 | 28 |
| Time to import: Border (hours) | 72 | 72 | 69 | 36 | 36 |

**Rajah 2.3 :** *Malaysia TAB Ranking (World Bank, 2020)*

**TAB *Score*** mencatatkan peningkatan yang konsisten, daripada 83.7 pada tahun 2016 kepada 88.5 pada tahun 2020. Peningkatan ini mencerminkan keberkesanan inisiatif berterusan dalam mempertingkat kecekapan prosedur perdagangan rentas sempadan serta komitmen terhadap pemodenan sistem kastam dan fasilitasi perdagangan negara.

Tempoh penyelesaian maklumat dokumentari eksport menunjukkan tahap kecekapan yang konsisten bagi tahun 2016 hingga 2020 manakala bagi maklumat dokumentari import pula menunjukkan peningkatan ketara dari segi kecekapan dengan rekod penambahbaikan pada tahun 2019 dan 2020.

Seiring dengan itu, masa pemprosesan di sempadan bagi urusan eksport dan import turut mencatatkan peningkatan kecekapan yang berterusan dari tahun 2016 hingga 2020, mencerminkan usaha bersepadu dalam mempertingkat fasilitasi perdagangan dan pengurusan sempadan negara.

# NARATIF GLOBAL

## *Logistic Performance Index* (LPI) *Score*

**2023 LPI scores**

| Economy | LPI score | Customs score | Infra-structure score | Interna-tional shipments score | Logistics competence and quality score | Time-liness score | Tracking and tracing score |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Singapore | 4.3 | 4.2 | 4.6 | 4.0 | 4.4 | 4.3 | 4.4 |
| Finland | 4.2 | 4.0 | 4.2 | 4.1 | 4.2 | 4.3 | 4.2 |
| Denmark | 4.1 | 4.1 | 4.1 | 3.6 | 4.1 | 4.1 | 4.3 |
| Germany | 4.1 | 3.9 | 4.3 | 3.7 | 4.2 | 4.1 | 4.2 |
| Netherlands | 4.1 | 3.9 | 4.2 | 3.7 | 4.2 | 4.0 | 4.2 |
| Switzerland | 4.1 | 4.1 | 4.4 | 3.6 | 4.3 | 4.2 | 4.2 |
| Austria | 4.0 | 3.7 | 3.9 | 3.8 | 4.0 | 4.3 | 4.2 |
| Belgium | 4.0 | 3.9 | 4.1 | 3.8 | 4.2 | 4.2 | 4.0 |
| Canada | 4.0 | 4.0 | 4.3 | 3.6 | 4.2 | 4.1 | 4.1 |
| Hong Kong SAR, China | 4.0 | 3.8 | 4.0 | 4.0 | 4.0 | 4.1 | 4.2 |
| Sweden | 4.0 | 4.0 | 4.2 | 3.4 | 4.2 | 4.2 | 4.1 |
| United Arab Emirates | 4.0 | 3.7 | 4.1 | 3.8 | 4.0 | 4.2 | 4.1 |
| France | 3.9 | 3.7 | 3.8 | 3.7 | 3.8 | 4.1 | 4.0 |
| Japan | 3.9 | 3.9 | 4.2 | 3.3 | 4.1 | 4.0 | 4.0 |
| Spain | 3.9 | 3.6 | 3.8 | 3.7 | 3.9 | 4.2 | 4.1 |
| Taiwan, China | 3.9 | 3.5 | 3.8 | 3.7 | 3.9 | 4.2 | 4.2 |
| Korea, Rep. | 3.8 | 3.9 | 4.1 | 3.4 | 3.8 | 3.8 | 3.8 |
| United States | 3.8 | 3.7 | 3.9 | 3.4 | 3.9 | 3.8 | 4.2 |
| Australia | 3.7 | 3.7 | 4.1 | 3.1 | 3.9 | 3.6 | 4.1 |
| China | 3.7 | 3.3 | 4.0 | 3.6 | 3.8 | 3.7 | 3.8 |
| Greece | 3.7 | 3.2 | 3.7 | 3.8 | 3.8 | 3.9 | 3.9 |
| Italy | 3.7 | 3.4 | 3.8 | 3.4 | 3.8 | 3.9 | 3.9 |
| Norway | 3.7 | 3.8 | 3.9 | 3.0 | 3.8 | 4.0 | 3.7 |
| South Africa | 3.7 | 3.3 | 3.6 | 3.6 | 3.8 | 3.8 | 3.8 |
| United Kingdom | 3.7 | 3.5 | 3.7 | 3.5 | 3.7 | 3.7 | 4.0 |
| Estonia | 3.6 | 3.2 | 3.5 | 3.4 | 3.7 | 4.1 | 3.8 |
| Iceland | 3.6 | 3.7 | 3.6 | 3.3 | 3.5 | 3.6 | 3.7 |
| Ireland | 3.6 | 3.4 | 3.5 | 3.6 | 3.6 | 3.7 | 3.7 |
| Israel | 3.6 | 3.4 | 3.7 | 3.5 | 3.8 | 3.8 | 3.7 |
| Luxembourg | 3.6 | 3.6 | 3.6 | 3.6 | 3.9 | 3.5 | 3.5 |
| Malaysia | 3.6 | 3.3 | 3.6 | 3.7 | 3.7 | 3.7 | 3.7 |
| New Zealand | 3.6 | 3.4 | 3.8 | 3.2 | 3.7 | 3.8 | 3.8 |
| Poland | 3.6 | 3.4 | 3.5 | 3.3 | 3.6 | 3.9 | 3.8 |
| Bahrain | 3.5 | 3.3 | 3.6 | 3.1 | 3.3 | 4.1 | 3.4 |
| Latvia | 3.5 | 3.3 | 3.3 | 3.2 | 3.7 | 4.0 | 3.6 |
| Qatar | 3.5 | 3.1 | 3.8 | 3.1 | 3.9 | 3.5 | 3.6 |
| Thailand | 3.5 | 3.3 | 3.7 | 3.5 | 3.5 | 3.5 | 3.6 |
| India | 3.4 | 3.0 | 3.2 | 3.5 | 3.5 | 3.6 | 3.4 |
| Lithuania | 3.4 | 3.2 | 3.5 | 3.4 | 3.6 | 3.6 | 3.1 |

| Economy | LPI score | Customs score | Infra-structure score | Interna-tional shipments score | Logistics competence and quality score | Time-liness score | Tracking and tracing score |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Mexico | 2.9 | 2.5 | 2.8 | 2.8 | 3.0 | 3.5 | 3.1 |
| Namibia | 2.9 | 2.8 | 2.8 | 3.0 | 2.9 | 2.9 | 2.8 |
| Argentina | 2.8 | 2.7 | 2.8 | 2.7 | 2.7 | 3.1 | 2.9 |
| Montenegro | 2.8 | 2.6 | 2.5 | 2.8 | 2.8 | 3.2 | 3.2 |
| Rwanda | 2.8 | 2.5 | 2.9 | 2.4 | 3.0 | 3.1 | 3.0 |
| Serbia | 2.8 | 2.2 | 2.4 | 2.9 | 2.7 | 3.4 | 2.9 |
| Solomon Islands | 2.8 | 2.4 | 2.6 | 2.9 | 2.9 | 3.2 | 2.9 |
| Sri Lanka | 2.8 | 2.5 | 2.4 | 2.8 | 2.7 | 3.3 | 3.0 |
| Bahamas, The | 2.7 | 2.7 | 2.5 | 3.1 | 2.5 | 3.0 | 2.6 |
| Belarus | 2.7 | 2.6 | 2.7 | 2.6 | 2.6 | 3.1 | 2.6 |
| Djibouti | 2.7 | 2.6 | 2.3 | 2.5 | 2.8 | 3.6 | 2.7 |
| El Salvador | 2.7 | 2.4 | 2.2 | 2.6 | 2.7 | 3.2 | 2.9 |
| Georgia | 2.7 | 2.6 | 2.3 | 2.7 | 2.6 | 3.1 | 2.8 |
| Kazakhstan | 2.7 | 2.6 | 2.5 | 2.6 | 2.7 | 2.9 | 2.8 |
| Papua New Guinea | 2.7 | 2.4 | 2.4 | 2.6 | 2.7 | 3.3 | 3.0 |
| Paraguay | 2.7 | 2.4 | 2.5 | 2.7 | 2.6 | 3.0 | 2.8 |
| Ukraine | 2.7 | 2.4 | 2.4 | 2.8 | 2.6 | 3.1 | 2.6 |
| Bangladesh | 2.6 | 2.3 | 2.3 | 2.6 | 2.7 | 3.0 | 2.4 |
| Congo, Rep. | 2.6 | 2.3 | 2.1 | 2.6 | 2.9 | 2.9 | 2.7 |
| Dominican Republic | 2.6 | 2.6 | 2.7 | 2.4 | 2.6 | 3.1 | 2.4 |
| Guatemala | 2.6 | 2.3 | 2.4 | 2.8 | 2.7 | 2.6 | 2.7 |
| Guinea-Bissau | 2.6 | 2.7 | 2.4 | 2.9 | 2.9 | 2.4 | 2.3 |
| Mali | 2.6 | 2.6 | 2.0 | 2.6 | 2.5 | 3.1 | 2.7 |
| Nigeria | 2.6 | 2.4 | 2.4 | 2.5 | 2.3 | 3.1 | 2.7 |
| Russian Federation | 2.6 | 2.4 | 2.7 | 2.3 | 2.6 | 2.9 | 2.5 |
| Uzbekistan | 2.6 | 2.6 | 2.4 | 2.6 | 2.6 | 2.8 | 2.4 |
| Albania | 2.5 | 2.4 | 2.7 | 2.8 | 2.3 | 2.5 | 2.3 |
| Algeria | 2.5 | 2.3 | 2.1 | 3.0 | 2.2 | 2.6 | 2.5 |
| Armenia | 2.5 | 2.5 | 2.6 | 2.2 | 2.6 | 2.7 | 2.3 |
| Bhutan | 2.5 | 2.7 | 2.2 | 2.3 | 2.6 | 2.6 | 2.3 |
| Central African Republic | 2.5 | 2.4 | 2.6 | 2.1 | 2.9 | 2.6 | 2.4 |
| Congo, Dem. Rep. | 2.5 | 2.3 | 2.3 | 2.5 | 2.4 | 2.8 | 2.5 |
| Ghana | 2.5 | 2.7 | 2.4 | 2.4 | 2.5 | 2.7 | 2.2 |
| Grenada | 2.5 | 2.6 | 2.5 | 2.6 | 2.2 | 3.1 | 2.3 |
| Guinea | 2.5 | 2.4 | 2.4 | 2.2 | 2.7 | 2.5 | 2.7 |
| Jamaica | 2.5 | 2.2 | 2.4 | 2.4 | 2.5 | 2.9 | 2.8 |
| Mauritius | 2.5 | 2.4 | 2.5 | 1.9 | 2.5 | 3.1 | 2.9 |
| Moldova | 2.5 | 1.9 | 1.9 | 2.7 | 2.8 | 3.0 | 2.8 |
| Mongolia | 2.5 | 2.5 | 2.3 | 2.5 | 2.3 | 2.7 | 2.4 |

**Rajah 2.4 :** *Logistics Performance Index Score (World Bank, 2020)*

# NARATIF GLOBAL

## *Logistic Performance Index* (LPI) *Score*

### *LOGISTICS PERFORMANCE INDEX* (LPI) *SCORE*

LPI *Score* merupakan satu indeks yang diterbitkan oleh *World Bank* bagi mengukur prestasi logistik sesebuah negara berdasarkan beberapa faktor iaitu kecekapan sistem logistik, hasil daripada pelaburan berterusan dalam infrastruktur, pemodenan proses kastam dan peningkatan kualiti perkhidmatan. Skor ini mencerminkan tahap keberkesanan dan kecekapan sistem logistik negara dalam menyokong perniagaan serta perdagangan antarabangsa. Malaysia mencatatkan skor LPI yang menunjukkan prestasi positif dalam sektor logistik. Pada tahun 2023, Malaysia berada di kedudukan ke-26 dunia, sekali gus muncul sebagai hab logistik yang berdaya saing, menyokong pertumbuhan perdagangan dan pelaburan antarabangsa.



**SKOR LPI:**
Malaysia mencatatkan skor LPI yang menunjukkan prestasi positif dalam sektor logistik

**26** **di dunia dalam LPI 2023**

### Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Malaysia LPI *Score* 2023:



**1. Infrastruktur Logistik:**
Malaysia terus komited dalam memperkukuh infrastruktur logistik negara melalui pelaburan strategik, khususnya di pelabuhan yang utama. Pembangunan infrastruktur ini membolehkan proses pelepasan dagangan dilaksanakan dengan lebih cepat, efisien dan kos efektif, sekali gus menyokong kelancaran rantaian bekalan serta meningkatkan daya saing negara dalam perdagangan global.



**2. Kualiti Perkhidmatan Logistik**
Perkhidmatan logistik di Malaysia dilihat semakin bertambah baik, dengan syarikat logistik tempatan dan global menawarkan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti. Ini juga berfungsi untuk mengurangkan kos dan masa yang diperlukan dalam proses penghantaran.



**3. Kecekapan Proses Pengimportan dan Pengeksportan**
Proses pengimportan dan pengeksportan barangan semakin dipermudahkan dengan penggunaan teknologi dan digitalisasi. Malaysia telah meningkatkan sistem perdagangan elektronik untuk memudahkan proses pendaftaran dan pembayaran yang turut meningkatkan ketepatan masa penghantaran.



**4. Ketepatan Masa Penghantaran**
Malaysia terus meningkatkan ketepatan masa penghantaran melalui kerjasama rapat antara pengangkutan darat, laut dan udara. Syarikat-syarikat logistik tempatan telah memanfaatkan kemudahan digital untuk memantau dan merancang penghantaran yang memperbaiki ketepatan masa.

# NARATIF GLOBAL

## *Global Competitiveness Index*

WORLD ECONOMIC FORUM



**Malaysia** **25th**/140

Global Competitiveness Index 4.0 2018 edition — Rank in 2017 edition: 26th/135

**Performance Overview** Key ◇ Previous edition △ Upper middle income group average □ East Asia and Pacific average

**2018**



**Selected contextual indicators**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Population millions | 32.1 | GDP (PPP) % world GDP | 0.73 |
| GDP per capita US$ | 9,812.8 | Unemployment rate % | 3.4 |
| 10-year average annual GDP growth % | 4.6 | 5-year average FDI inward flow % GDP | 3.4 |

**Social and environmental performance**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Environmental footprint gha/capita | 4.4 | Global Gender Gap Index 0-1 (gender parity) | 0.7 |
| Inclusive Development Index 1-7 (best) | 4.3 | Income Gini 0 (perfect equality) -100 (perfect inequality) | 41.0 |

**Rajah 2.5 :** *Global Competitiveness Index 4.0 2018th Edition*



**Malaysia** **27th**/141

Global Competitiveness Index 4.0 2019 edition — Rank in 2018 edition: 25th/140

**Performance Overview** Key ◇ Previous edition △ Upper-middle-income group average □ East Asia and Pacific average

**2019**



**Selected contextual indicators**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Population millions | 32.4 | GDP (PPP) % world GDP | 0.74 |
| GDP per capita US$ | 10,941.7 | 5-year average FDI inward flow % GDP | 3.1 |
| 10-year average annual GDP growth % | 4.8 | | |

**Social and environmental performance**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Environmental footprint gha/capita | 1.8 | Global Gender Gap Index 0-1 (gender parity) | 0.7 |
| Renewable energy consumption share % | 5.2 | Income Gini 0 (perfect equality) -100 (perfect inequality) | 41.0 |
| Unemployment rate % | 3.4 | | |

**Rajah 2.6 :** *Global Competitiveness Index 4.0 2019th Edition*

**Global Competitiveness Index 4.0* dikeluarkan oleh ***World Economic Forum*** **(WEF)**. Ia merupakan laporan tahunan yang menilai daya saing ekonomi pelbagai negara berdasarkan faktor seperti institusi, infrastruktur, kestabilan makroekonomi, kesihatan, kemahiran tenaga kerja, pasaran kewangan, inovasi dan dinamisme perniagaan.

# NARATIF GLOBAL

## *Global Competitiveness Index*

## *GLOBAL COMPETITIVENESS INDEX* (GCI) 2020

Malaysia mengalami sedikit penurunan dalam **kedudukan keseluruhan** daripada **25/140** pada tahun **2018** kepada **27/141** pada tahun **2019**.

### STABIL DALAM ASPEK

- Institusi (25)
- Pasaran Buruh (20)
- Sistem kewangan (15)
- Keupayaan inovasi (30)

### PENINGKATAN

- Pasaran Produk : 24 → 20
- Dinamisme perniagaan : 19 → 18
- Penggunaan tenaga boleh diperbaharui (5.2%)

### PENURUNAN

- Infrastruktur : 32 → 35
- ICT *adoption* : 32 → 33
- Kesihatan : 62 → 66
- Kemahiran : 24 → 30
- Saiz Pasaran : 23 → 24
- Stabiliti Makroekonomi : 1 → 35

GDP per kapita meningkat daripada $9,812.8 kepada $10,941.7

Aliran masuk FDI purata 5 tahun menurun daripada 3.4% kepada 3.1%

Kadar pengangguran kekal pada 3.4%

Jejak ekologi berkurang daripada 4.4 gha/capita kepada 1.8 gha/capita

Secara keseluruhan, Malaysia menghadapi cabaran dalam kestabilan makroekonomi, infrastruktur dan pelaburan asing, tetapi masih mencatat kemajuan dalam beberapa sektor utama yang menyokong daya saing negara.

# NARATIF GLOBAL

## *Performance Measurement Mechanism* (PMM)

Jadual ini merangkumi enam (6) indikator utama yang mempengaruhi kecekapan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam perdagangan antarabangsa.

### ENAM (6) INDIKATOR UTAMA

- **Masa Pelepasan Kastam**
- **Kos Pematuhan Sempadan**
- **Pendigitalan**
- **Kecekapan Kutipan Hasil**
- **Kerjasama Antara Agensi**
- **Mekanisme Antirasuah**

Indikator-indikator ini berkaitan dengan indeks global seperti LPI, GETR, BEE, GCR dan diukur melalui pelbagai metrik seperti ketepatan kutipan hasil, penggunaan teknologi dan ketelusan dalam proses kastam. Bagi meningkatkan daya saing global, laporan WCO mencadangkan strategi seperti pemerkasaan sistem pelepasan, pengurangan kos pematuhan melalui automasi, peningkatan kerjasama antara agensi serta pengukuhan mekanisme antirasuah. Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, JKDM dapat mempercepatkan perdagangan rentas sempadan, meningkatkan kecekapan pentadbiran kastam dan memperkukuh kedudukan Malaysia dalam ekonomi global.

WORLD CUSTOMS ORGANIZATION

| No. | Indikator | Indeks Berkaitan (Pilar) | Indikator PMM (Mekanisme Pengukuran Prestasi) | Cadangan Strategik |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Masa Pelepasan Kastam | LPI (Kastam), GETR (Pentadbiran Sempadan), BEE (Perdagangan Antarabangsa) | Masa Pelepasan Kastam, Kecekapan Proses Pelepasan | • Tingkatkan sistem pelepasan untuk mempercepat prosedur.<br>• Perkenalkan sistem penjejakan penghantaran masa nyata untuk mengurangkan kelewatan. |
| 2 | Kos Pematuhan Sempadan | GETR (Akses Pasaran Asing), BEE (Perdagangan Antarabangsa) | Kos Pematuhan Sempadan | • Permudahkan keperluan dokumentasi untuk mengurangkan kos pematuhan. |
| 3 | Pendigitalan & Automasi | LPI (Kastam), BEE (Perdagangan Antarabangsa) | Penggunaan Teknologi, Automasi Proses Kastam, Inisiatif Perdagangan Tanpa Kertas | • Tingkatkan sistem pra-pelepasan dan pembayaran digital<br>• Labur dalam alat automasi seperti e-deklarasi & pemprofilan risiko berasaskan AI.<br>• Kembangkan penggunaan platform digital untuk mengurangkan kesilapan manusia. |
| 4 | Kecekapan Kutipan Hasil | BEE (Percukaian) | Ketepatan Kutipan Hasil, Keberkesanan Audit PCA | • Gunakan analitik data untuk Audit PCA.<br>• Latih pegawai kastam mengenai teknik penilaian yang tepat. |
| 5 | Kerjasama Antara Agensi | GETR (Pentadbiran Sempadan), LPI (Kastam) | Kerjasama Antara Agensi, Penyelarasan Antara Kastam dan Agensi Sempadan | • Tubuhkan pemeriksaan penyelarasan bersama.<br>• Laksanakan sistem perkongsian data bersepadu antara agensi. |
| 6 | Mekanisme Antirasuah | BEE (Perdagangan Antarabangsa), GCR (Pasaran Produk) | Dasar AntiRasuah, Ketelusan dalam Proses Kastam | • Perkenalkan sistem pelaporan tanpa nama untuk memerangi rasuah.<br>• Laksanakan audit berkala untuk mengenal pasti kelemahan prosedur. |

*(World Customs Organization, n.d.)*

# NARATIF GLOBAL

## PEMETERAIAN PERJANJIAN ANTARABANGSA



*MUTUAL RECOGNITION ARRANGEMENT ON AUTHORIZED ECONOMIC OPERATOR BETWEEN SINGAPORE - MALAYSIA*



*MUTUAL CO-OPERATION IN HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT BETWEEN JAPAN - MALAYSIA*



*MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE REPUBLIC OF INDONESIA REGARDING MUTUAL ASSISTANCE ON CUSTOMS MATTERS*



*MUTUAL RECOGNITION ARRANGEMENT (MRA) ON AUTHORIZED ECONOMIC OPERATOR (AEO) BETWEEN KOREA - MALAYSIA*



*MUTUAL RECOGNITION ARRANGEMENT (MRA) ON AUTHORIZED ECONOMIC OPERATOR (AEO) BETWEEN HONG KONG - MALAYSIA*



*MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE UNITED STATES OF AMERICA REGARDING MUTUAL ASSISTANCE ON CUSTOMS MATTERS*

# NARATIF GLOBAL

## PENGLIBATAN JKDM DI PERINGKAT ANTARABANGSA

*MEETING OF THE WORKING GROUP ON TECHNICAL MATTERS FOR THE ASEAN SINGLE WINDOW (ASW-TWG)*

*SESSIONS OF THE CUSTOMS CO-OPERATION COUNCIL*

MESYUARAT KETUA-KETUA PENGARAH KASTAM ASEAN *(ASEAN DG MEETING)*

*CHAIRMAN OF CUSTOMS ENFORCEMENT AND COMPLIANCE WORKING GROUP (CECWG)*

*MEETING OF THE ASEAN-CHINA FREE TRADE AREA (ACFTA) 3.0 WORKING GROUP ON CUSTOMS PROCEDURES AND TRADE FACILITATION (WG CPTF)*

*BRUNEI DARUSSALAM -INDONESIA -MALAYSIA -PHILIPPINES EAST ASEAN GROWTH AREA (BIMP-EAGA)*

*APEC SECOND SUB-COMMITTEE ON CUSTOMS PROCEDURES (SCCP) PLENARY MEETING – LIMA, PERU*

# NARATIF GLOBAL

## KERJASAMA DI PERINGKAT ANTARABANGSA



# SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN
## NARATIF NASIONAL

# SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN – NARATIF NASIONAL

Isu strategik dan cabaran yang dihadapi oleh JKDM dalam tempoh tiga (3) tahun akan datang berdasarkan senario perubahan persekitaran dan naratif nasional semasa adalah seperti berikut:

1. **Rukun dan Kerangka Ekonomi Madani**
2. **Tujuh (7) Pasak Ekonomi Madani**
3. **Penjajaran Rancangan Malaysia Ke-12**
4. **Pertumbuhan Ekonomi Negara:**
   - **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)**
   - ***Foreign Direct Investment* (FDI)**
   - **Pendapatan Per Kapita**
5. **Belanjawan Negara**
6. ***Malaysian National Artificial Intelligence* (AI) *Roadmap* 2021-2025**
7. **Penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS)**

# NARATIF NASIONAL
## RUKUN DAN KERANGKA EKONOMI MADANI

### RUKUN MALAYSIA MADANI

**6 Nilai Teras Malaysia MADANI**

**KEMAMPANAN**
Mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan.

**KESEJAHTERAAN**
Kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan.

**DAYA CIPTA**
Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia.

**HORMAT**
Perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, merayakan kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia

**KEYAKINAN**
Menghidupkan harapan terhadap perubahan seiring sikap amanah melakukan perubahan ke arah kebaikan.

**IHSAN**
Belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan

### KERANGKA EKONOMI MADANI

**EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT**

**Menaikkan Siling**
*Peneraju Ekonomi Asia*

- Destinasi Pelaburan Berdaya Saing & Bertaraf Global
- Industri Berteraskan Digital & Inovasi
- Peneraju Ekonomi Islam Global
- Jaguh PMKS Serantau
- Keterjaminan & Kemampanan Ekonomi

*Untuk berjaya memerlukan pendekatan seluruh Malaysia (Rakyat, Kerajaan & Industri)*

*Dengan semangat perpaduan*

*Tatakelola yang baik (membanteras rasuah)*

*Penyampaian perkhidmatan awam yang tangkas & kolaboratif*

**Menaikkan Lantai**
*Peningkatan Darjat Hidup Rakyat*

- Pekerjaan Bermakna & Berpendapatan Tinggi
- Keterangkuman & Kesaksamaan Peluang
- Akses Sejagat Pendidikan & Kesihatan
- Kemudahan Asas Bertaraf Dunia
- Perlindungan Sosial untuk Semua

**Malaysia Berasaskan Nilai MADANI**
*[Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Nilai Hormat, Keyakinan & Ihsan]*

*(Prime Minister's Office of Malaysia, 2023)*

# MATLAMAT
## YANG INGIN DICAPAI

- Kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia
- Tangga ke-12 teratas dunia dalam Daya Saing Global
- Tangga ke-25 teratas dunia dalam Indeks Pembangunan Manusia
- Meningkatkan bahagian pendapatan pekerja kepada 45%
- Tangga ke-25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah
- Ke arah kemampanan fiskal, sasaran defisit fiskal 3%, atau lebih baik
- Kadar penyertaan tenaga buruh wanita mencapai 60%

*Tujuh*
**PASAK DAN SASARAN**
**EKONOMI MADANI**

| | MISI | MATLAMAT | SITUASI MALAYSIA KINI |
|---|---|---|---|
| 01 | Pertumbuhan Ekonomi | Kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia | Ekonomi ke-35 terbesar dunia (IMF, 2023) |
| 02 | Daya Saing Global | Tangga ke-12 teratas dunia dalam Indeks Daya Saing Global | Daya saing ke-27 dunia (IMD, 2023) |
| 03 | Pekerjaan Dengan Gaji Setimpal | Pendapatan buruh 45% dari KDNK | Kadar gaji dan upah 32.4% dari KDNK (DOSM, 2022) |
| 04 | Pertumbuhan Inklusif | Penyertaan wanita dalam tenaga buruh mencapai 60% | Penyertaan wanita 55.5% dalam tenaga buruh (DOSM, 2022) |
| 05 | Pembangunan Manusia | Tangga ke-25 teratas dunia dalam Indeks Pembangunan Manusia | Indeks Pembangunan Manusia ke-62 dunia (UNDP, 2022) |
| 06 | Tatakelola Yang Baik | Tangga ke-25 teratas dunia dalam Indeks Persepsi Rasuah | Indeks Persepsi Rasuah ke-61 dunia (TI, 2022) |
| 07 | Kemampanan Fiskal | Sasaran defisit fiskal 3% atau lebih baik | Purata defisit fiskal sekitar 5.5% untuk lima tahun lalu (EPU) |

*(Prime Minister's Office of Malaysia, 2023)*

# NARATIF NASIONAL

# PENJAJARAN RANCANGAN MALAYSIA KE-12 KE ATAS PERKHIDMATAN JKDM

**Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam**

**BIDANG KEUTAMAAN B**

**MENINGKATKAN PENDEKATAN KESELURUHAN KERAJAAN**

| STRATEGI B1 | STRATEGI B2 | STRATEGI B3 |
|---|---|---|
| Menambah baik Pentadbiran Kerajaan dan Kecekapan Operasi | Meningkatkan Keupayaan Membuat Keputusan dan Inovasi | Memperkukuh Ekosistem Tadbir Urus |

**Rumusan Penjajaran Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) ke atas Perkhidmatan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM):**
Penjajaran Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) ke atas perkhidmatan JKDM dilaksanakan bagi memastikan jabatan ini terus relevan, cekap dan responsif dalam mendepani cabaran semasa dan akan datang. RMKe-12 yang bertemakan "Memperkukuh Pemulihan, Memperkasa Reformasi" menekankan transformasi sektor awam, pendigitalan serta peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan termasuk JKDM.

### PENDIGITALAN PERKHIDMATAN KASTAM

- Pelaksanaan sistem SDSIE dan SMARTGPB
- Peningkatan penggunaan teknologi pengimbas AI, kamera badan (BWC) dan lain-lain

### PEMERKASAAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS

- Pelaksanaan program pemantapan integriti dan penguatkuasaan undang-undang
- Penekanan kepada budaya kerja berteraskan nilai-nilai Malaysia MADANI

### PENGUKUHAN KAWALAN SEMPADAN DAN KESELAMATAN RANTAIAN BEKALAN

- Perkembangan Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA)
- Kerjasama rentas agensi seperti dengan AKPS dan agensi keselamatan lain


### PENINGKATAN HASIL DAN FASILITASI PERDAGANGAN

- Usaha untuk menambah baik kutipan hasil negara
- Pengukuhan peranan program AEO dan pelaksanaan perjanjian pengiktirafan bersama (MRAs)


### PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Latihan dan pembangunan kompetensi pegawai
- Penggunaan pendekatan pembelajaran berterusan

# NARATIF NASIONAL
## PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA




**Rajah 2.7 (a) :** Keluaran Dalam Negara Kasar
*(Department of Statistics Malaysia, 2024)*




**Rajah 2.7 (b) :** Pungutan Hasil JKDM Tahun 2016-2023


## KESAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) KE ATAS PUNGUTAN HASIL

Rajah 2.7(a) menunjukkan pertumbuhan KDNK ekonomi negara, meningkat sederhana kecuali pada tahun 2020 disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Rajah 2.7(b) menunjukkan pungutan hasil bersih JKDM meningkat sederhana bermula pada tahun 2016 sehingga tahun 2017. Pada tahun 2018, data menunjukkan penurunan drastik berikutan peralihan GST kepada SST dan pelaksanaan *Tax Holiday*.

Meskipun begitu, bermula pada tahun 2018 pungutan hasil bersih JKDM meningkat sederhana walaupun pada tahun 2023 kadar pertubuhan negara (KDNK) menyusut. Senario ini menunjukkan komitmen dan prestasi JKDM yang produktif dalam menyumbang kepada pembangunan negara dan pungutan hasil.

# NARATIF NASIONAL
# PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA




**Rajah 2.8 :** *Foreign Direct Investment (Department of Statistics Malaysia, 2024)*

## *Foreign Direct Investment* (FDI)

Rajah 2.8 menunjukkan prestasi pertumbuhan *Foreign Direct Investment* (FDI) negara, yang menyerlahkan kerancakan aktiviti perdagangan, pengilangan dan perkhidmatan serta meningkatkan pungutan duti dan cukai seterusnya menunjukkan keyakinan pelabur asing terhadap prospek ekonomi Malaysia.




**Rajah 2.9 :** Pendapatan Per Kapita *(Department of Statistics Malaysia, 2024)*

## Pendapatan Per Kapita

Rajah 2.9 menunjukkan Pendapatan Per Kapita yang lebih tinggi biasanya meningkatkan perbelanjaan pengguna termasuk barangan mewah, import dan barangan eksais yang menyumbang kepada kenaikan hasil cukai tidak langsung.

# NARATIF NASIONAL
# BELANJAWAN NEGARA

## Belanjawan 2025: Menyeluruh, inklusif kemudi ekonomi negara ke tahap lebih baik

Nasional - Dicipta: 19 Oktober 2024 03:04 PM



*Foto facebook Datuk Seri Anwar Ibrahim*

***KUALA LUMPUR, 19 Oktober***– Ramai ahli akademik berpandangan Belanjawan 2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam bersifat inklusif, menyeluruh dan memfokus kepada kesejahteraan rakyat secara keseluruhan dengan strategi mengemudi ekonomi negara ke tahap lebih baik.


(Berita RTM, 2024)

## PERCUKAIAN NEGARA BERSIFAT DINAMIK

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) perlu sentiasa bergerak seiring dengan dasar-dasar semasa Kerajaan dan peka terhadap sebarang perubahan, khususnya yang berkaitan dengan pelaksanaan Belanjawan Negara. JKDM juga perlu sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi dinamika belanjawan tahunan yang melibatkan skop percukaian bagi memastikan pungutan hasil negara dilaksanakan selaras dengan slogan JKDM iaitu Cekap, Tangkas dan Integriti.

# NARATIF NASIONAL

## *MALAYSIAN NATIONAL ARTIFICIAL INTELLIGENCE* (AI) *ROADMAP* 2021-2025




*(Ministry of Science, Technology and Innovation Malaysia, 2021)*

### Kesan AI *Roadmap* Malaysia 2021-2025 terhadap Perkhidmatan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

AI *Roadmap* Malaysia 2021-2025 merupakan pelan strategik kerajaan untuk memacu penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pelbagai sektor, termasuk sektor awam seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

#### PENINGKATAN KECEKAPAN OPERASI

**Automasi Proses Kastam**
- AI boleh digunakan untuk memproses dokumen perdagangan.

**Pengesanan Penipuan & Pematuhan**
- Sistem AI boleh menganalisis data transaksi import/ eksport.

#### PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN DALAM KESELAMATAN & PENGAWASAN

**Pemeriksaan Kontena & Kargo**
- AI dengan teknologi pengimejan.

**Pengurusan Risiko**
- Model *predictive analytics* boleh meramalkan laluan penyeludupan

#### PERKHIDMATAN PELANGGAN & SOKONGAN DIGITAL

***Chatbot & Virtual Assistants***
- AI-*powered chatbot* boleh membantu peniaga & orang awam mendapatkan maklumat cukai.

**Pemprosesan Bahasa Melayu & Multibahasa**
- *Natural Language Processing* (NLP) membolehkan sistem memahami pertanyaan dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan bahasa lain.

#### INTEGRASI DENGAN SISTEM DIGITAL LAIN

***Blockchain* & AI**
- Integrasi dengan teknologi *blockchain* boleh meningkatkan ketelusan rantaian bekalan dan mengurangkan pemalsuan dokumen.

***Single Window Platform***
- AI boleh menyokong sistem *National Single Window* (NSW)

#### CABARAN & PERTIMBANGAN

**Isu Privasi & Keselamatan Data**
- Penggunaan AI memerlukan perlindungan data yang kukuh untuk mengelakkan kebocoran maklumat sensitif.

**Keperluan Latihan & Adaptasi Staf**
- JKDM perlu melatih kakitangan dalam pengurusan sistem AI.

**Kos & Infrastruktur**
- Pelaburan dalam perkakasan dan perisian memerlukan bajet yang besar.

# NARATIF NASIONAL

## Penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) : Implikasi kepada JKDM



PM arah Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia memulakan tugas serta-merta

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Mei 2, 2024 @ 2:25pm
bhnews@bh.com.my



Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA) melaksanakan tugasan berkuat kuasa serta-merta. - Foto fail NSTP

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA) melaksanakan tugasan berkuat kuasa serta-merta.

Perdana Menteri berkata, walaupun rang undang-undang (RUU) berkaitan penubuhan agensi itu hanya akan dibentangkan di Parlimen pada Julai ini, semua jabatan berkaitan seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia sudah boleh meletakkan pegawainya dan bertugas dengan segera.

(Berita Harian, 2024)



Pelaksanaan AKPS Akan Diperluas Di Pintu Masuk Negara – Saifuddin Nasution

02/02/2025 03:41 PM



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof bersama Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail ketika meninjau keadaan di Gate Kod QR MyBorderPass di Terminal I, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur hari ini.

(BERNAMA, 2025)

Pada 3 Januari 2024, Jemaah Menteri telah meluluskan penetapan dasar bagi penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) di bawah seliaan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Seterusnya, Rang Undang-Undang AKPS 2024 telah dibentangkan di Parlimen Malaysia dan diluluskan pada 1 Ogos 2024.

Penubuhan AKPS memberi kesan langsung dan tidak langsung terhadap fungsi operasi dan tadbir urus Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), khususnya dari segi pengurusan sumber, koordinasi rentas agensi dan kecekapan pentadbiran di kawasan sempadan negara.

Sehubungan itu, kerjasama erat serta pelarasan strategi antara AKPS dan JKDM amat penting bagi memastikan pelaksanaan kawalan sempadan yang lebih tersusun, bersepadu dan berkesan demi menjamin keselamatan serta kelancaran perdagangan negara.

# VISI, MISI DAN SLOGAN JKDM

## VISI

PERKHIDMATAN KASTAM UNGGUL

## MISI

MEMPERKASA PUNGUTAN HASIL
DAN
KETERJAMINAN RANGKAIAN PERDAGANGAN

## SLOGAN

CEKAP • TANGKAS • INTEGRITI

# VISI, MISI DAN SLOGAN JKDM

## VISI
PERKHIDMATAN KASTAM UNGGUL

**PENGUKUHAN INTEGRITI**
Menerapkan prinsip kejujuran, ketelusan dan akauntabiliti dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab sebagai warga JKDM untuk memastikan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan Kastam sentiasa terpelihara.

**KECEKAPAN TATAKELOLA**
Menyediakan perkhidmatan yang cekap, tangkas dan berintegriti kepada pemegang taruh dan pelanggan JKDM.

**PENGGUNAAN TEKNOLOGI**
Mengaplikasi teknologi terkini untuk mempercepat proses pelepasan kastam dan pungutan cukai tak langsung.

**KOLABORASI STRATEGIK**
Bekerjasama dengan pemain industri, agensi Kerajaan dan antarabangsa untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

**PEMERKASAAN MODAL INSAN**
Membangunkan latihan dan memupuk kesedaran untuk melahirkan tenaga mahir yang berkualiti, berketerampilan dan berdaya saing.

**PEMATUHAN UNDANG-UNDANG**
Memperkukuh pemantauan dan memperkemas perundangan, peraturan dan prosedur mengikut keperluan semasa.

## MISI
MEMPERKASA PUNGUTAN HASIL DAN KETERJAMINAN RANGKAIAN PERDAGANGAN

### MEMPERKASA PUNGUTAN HASIL

**SISTEM PERCUKAIAN CEKAP**
Memastikan sistem percukaian yang cekap di mana hasil negara dikutip secara adil dan betul.

**KOMPETENSI PEGAWAI**
Pegawai akan dibekalkan dengan kursus intensif berkaitan taksiran yang membantu dalam memperkasakan perkhidmatan di pintu masuk negara.

**PERUBAHAN DASAR PERCUKAIAN**
JKDM sentiasa bersedia dan beradaptasi dengan dinamika perubahan dasar percukaian negara sepertimana yang dibentangkan dalam Belanjawan Negara.

**MENGOPTIMUMKAN TEKNOLOGI DAN MENGGALAKKAN INOVASI**
JKDM sentiasa bersedia dan beradaptasi dengan dinamika perubahan dasar percukaian negara sepertimana yang dibentangkan dalam Belanjawan Negara.

**MEMPERHEBAT PROGRAM KESEDARAN**
Meningkatkan program kesedaran dalam kalangan pemain industri bertujuan memastikan pematuhan perundangan, peraturan dan prosedur.

**MEMPERKUKUH INTEGRITI PEGAWAI**
Memantapkan pembangunan modal insan untuk melahirkan pegawai berintegriti melalui pemberian penghargaan dan pemerkasaan modul latihan ke arah meningkatkan prestasi profesional pegawai.

**PEMATUHAN UNDANG-UNDANG**
Menangani isu-isu ketidakpatuhan terhadap perundangan, peraturan dan prosedur melalui auditan bersasar, operasi penguatkuasaan dan kerjasama antarabangsa secara berkesan.

### MEMPERKASA KETERJAMINAN RANGKAIAN PERDAGANGAN

**FASILITASI PERDAGANGAN**
Fasilitasi perdagangan merujuk kepada kemudahan perdagangan melalui inisiatif dan insentif yang diberikan oleh JKDM kepada sektor perindustrian serta perdagangan yang bertujuan untuk menjana ekonomi negara selaras dengan perubahan dasar Kerajaan. Kemudahan yang diberikan adalah sebagai pemudah cara untuk aktiviti perdagangan supaya dapat menarik pelabur-pelabur luar seperti *Free Trade Agreements* (FTA), *Authorized Economic Operator* (AEO), *ASEAN Customs Transit System* (ACTS) dan *Licensed Manufacturing Warehouse* (LMW).

**KERJASAMA ANTARABANGSA**
Kerjasama antarabangsa merujuk kepada komitmen JKDM dengan *World Customs Organization* (WCO), *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN), *World Trade Organization* (WTO), *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) dan negara-negara lain.

**PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**
Penguatkuasaan undang-undang merujuk kepada tanggungjawab JKDM untuk melaksanakan undang-undang dengan adil dan memberi kesedaran serta kefahaman kepada pihak industri.

## SLOGAN
CEKAP • TANGKAS • INTEGRITI

### CEKAP
- Pandai dan mahir dalam melakukan sesuatu.
- Berkeupayaan tinggi dalam melakukan kerja.
- Menjalankan tugas dengan cepat, tepat, dan berkesan.

(Rujukan: Dewan Bahasa & Pustaka, Edisi Ke-4)

### TANGKAS
- Merujuk kepada seseorang yang cepat, cekap, dan lincah dalam melakukan sesuatu aktiviti atau tindakan.

(Rujukan: Dewan Bahasa & Pustaka, Edisi Ke-4)

### INTEGRITI
- Mempunyai prinsip moral yang tinggi dan konsisten, serta tidak mudah terpengaruh oleh rasuah atau penyimpangan dari etika yang betul.
- Pegawai perlu melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, beretika dan menjauhi amalan rasuah.
- Memetik Frasa Yang Di Ungkap Oleh C.S. Lewis, ***"Doing the right thing (through your words, actions and beliefs) when no one is watching***.

(Rujukan: Dewan Bahasa & Pustaka, Edisi Ke-4)

# ETIKA PERKHIDMATAN JKDM ( ABID )

| AMANAH | BERKHIDMAT | IKHLAS | DEDIKASI |
|---|---|---|---|
| • Sentiasa ber**integriti** dan **amanah** dalam menjalankan tugas melalui kuasa yang diberikan demi kepentingan umum.<br><br>• Bertindak secara **rasional** dan sentiasa **bertanggungjawab** terhadap apa sahaja keputusan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.<br><br>• **Telus** dalam tindakan, keputusan dan bebas daripada kepentingan peribadi.<br><br>• **Menjaga kerahsiaan** dan memastikan segala data dan maklumat terperingkat tidak dikongsi, disebar atau diakses tanpa kebenaran.<br><br>• Bekerja dengan semangat cintakan agama, bangsa dan negara serta menjunjung **amanah** dengan **megah**, **takwa**, **hormat** dan **taat setia**. | • Bekerja secara **profesional** dan **kompeten** dalam melaksanakan tugas.<br><br>• Memahami dan melaksanakan tanggungjawab dengan **cekap**, **tangkas** dan **berkesan** berdasarkan **tatakelola** yang digariskan dengan ***esprit de corps*** yang padu.<br><br>• Meningkatkan **kreativiti**, **inovasi** dan **produktiviti** dalam penyampaian perkhidmatan seiring dengan kepesatan era **digitalisasi**.<br><br>• **Memperkasakan** budaya kerja yang **progresif** melalui **pembelajaran berterusan** dan **perkongsian ilmu**.<br><br>• Bersedia untuk **berkolaborasi** secara bilateral atau multilateral bagi menjamin rangkaian perdagangan yang selamat ke arah kesejahteraan rakyat dan negara. | • Melaksanakan tugas dengan penuh **tanggungjawab dan ihsan** tanpa mengharapkan balasan.<br><br>• Memajukan diri melalui penerapan dan **penghayatan nilai-nilai murni**.<br><br>• **Berfikiran terbuka, bersikap positif dan bekerjasama** dalam perkara-perkara berfaedah bagi memberi impak positif yang signifikan kepada semua pihak yang berkepentingan. | • **Sentiasa bersedia** dalam melakukan tugas walau di mana berada dan dalam apa jua keadaan.<br><br>• **Memahami dan memenuhi kehendak** pelanggan serta mengambil inisiatif untuk menyampaikan perkhidmatan menjangkaui jangkaan pelanggan.<br><br>• Men**dinamik**kan organisasi melalui penghasilan sistem dan proses kerja yang lebih **efisien** selaras dengan keperluan semasa bagi kelancaran sistem penyampaian jabatan.<br><br>• Bertindak secara **proaktif**, **pantas** dan **tangkas**. |

# TERAS-TERAS STRATEGIK

## TERAS 1

### MEMPERKUKUH TATAKELOLA

Teras ini menumpukan kepada usaha mempertingkatkan sistem pengurusan dan tatakelola organisasi supaya lebih berkesan dan selari dengan objektif strategik.

## TERAS 2

### MEMPERKASA PUNGUTAN HASIL

Fokus utama teras ini adalah untuk meningkatkan kecekapan sistem kutipan hasil serta memastikan pematuhan yang tinggi dalam kalangan pihak berkepentingan.



## TERAS 3

### MEMUDAH CARA FASILITASI PERDAGANGAN

Teras ini bertujuan untuk mempercepat dan memudahkan prosedur perdagangan bagi meningkatkan daya saing serta memperkukuh hubungan dagangan antarabangsa.

## TERAS 4

### MEMATUHI PERUNDANGAN DAN PERATURAN

Teras ini memberi tumpuan kepada pematuhan terhadap peraturan serta memperketat aktiviti penguatkuasaan bagi mencegah ketirisan hasil dan memastikan keselamatan negara.

# MODEL PELAN STRATEGIK
## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA 2025-2027





# BAHAGIAN III

# MEKANISME PELAKSANAAN

# MEKANISME PELAKSANAAN

## PELAN STRATEGIK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA 2025-2027

**"Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2025-2027 : Ke Arah Perkhidmatan Kastam Unggul"** ialah perancangan tertinggi Jabatan berdasarkan kepada program dan tindakan yang telah dirancang. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Kastam, Penolong-penolong Ketua Pengarah Kastam, Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL), Pengarah-pengarah Kastam Negeri dan Pemungut Cukai Kastam Persekutuan (PCKP) hendaklah melaksanakan program dan tindakan yang dirancang mengikut sasaran yang telah ditetapkan. Kejayaan mekanisme pelaksanaan Pelan Strategik ini bergantung kepada kaedah pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan ke atas program yang dirancang.

## JENTERA PELAKSANA

Jawatankuasa Pemantapan Pelaksanaan berperanan sebagai pemantau dan penggerak pelaksanaan Pelan Strategik ini. Jawatankuasa yang dilantik adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Induk Pemantapan Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM
- Jawatankuasa Pemantapan Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM Bahagian
- Jawatankuasa Pemantapan Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM AKMAL
- Jawatankuasa Pemantapan Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM Negeri / PCKP

# MEKANISME PELAKSANAAN

## JAWATANKUASA PELAN STRATEGIK

| JAWATANKUASA INDUK | JAWATANKUASA PELAKSANAAN DI PERINGKAT BAHAGIAN IBU PEJABAT, NEGERI / AKMAL / PCKP |
|---|---|
| Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kastam dan ahli yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman/Cukai Dalam Negeri), Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/ Pematuhan), Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan), Pengarah-pengarah Bahagian dan wakil dari setiap Bahagian yang dilantik.<br><br>Bahagian Perancangan Korporat bertindak sebagai urus setia induk. | Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Penolong Ketua Pengarah Kastam Ibu Pejabat, Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah-pengarah Kastam Negeri, Pengarah AKMAL dan Ketua PCKP.<br><br>Pengerusi bertindak sebagai penggerak dan pemantau pelaksanaan projek/program/tindakan dan bertanggungjawab kepada Pengerusi Jawatankuasa Induk.<br><br>Urus setia Bahagian Ibu Pejabat/Negeri/AKMAL/PCKP hendaklah melaporkan kepada Urus Setia Induk berhubung dengan pelantikan jawatankuasa dan pegawai penyelaras di peringkat Bahagian Ibu Pejabat/Negeri/ AKMAL/PCKP. |

## FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

| URUS SETIA INDUK | BAHAGIAN IBU PEJABAT/ NEGERI / AKMAL / PCKP |
|---|---|
| Merancang program publisiti dan hebahan bagi mempromosikan pelaksanaan Pelan Strategik kepada seluruh warga jabatan di seluruh negara. | Menilai kemajuan pelaksanaan program/tindakan di peringkat Bahagian/Negeri/ AKMAL/PCKP dan membuat penambahbaikan. |
| Memantau dan menilai keberkesanan program. | Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah-pengarah Kastam Negeri, Pengarah AKMAL dan Ketua PCKP mengambil tindakan melaksanakan program/ tindakan mengikut Pelan Strategik yang telah ditetapkan. |
| Membuat analisis penilaian dan perakuan ke atas laporan yang diterima. | Menyediakan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program (Bahagian/AKMAL/ Negeri/PCKP) melalui sistem e-PTS dan perlu dibentangkan kepada Pengarah masing-masing setiap tiga (3) bulan. |

# MEKANISME PELAKSANAAN

| ANGGARAN BELANJA MENGURUS DAN PEMBANGUNAN |
|---|
| Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah-pengarah Kastam Negeri, Pengarah Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) dan Ketua Pemungut Cukai Kastam Persekutuan (PCKP) dikehendaki menyediakan anggaran peruntukan belanja mengurus dan pembangunan berasaskan keperluan masing-masing bagi menjayakan program/tindakan yang dibangunkan. |

## PELAN TINDAKAN STRATEGIK

| BAHAGIAN IBU PEJABAT | BAHAGIAN / NEGERI / AKMAL / PCKP |
|---|---|
| Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat dikehendaki membangunkan pelan operasi yang dinamakan Pelan Tindakan Strategik untuk bahagian masing-masing berdasarkan Pelan Strategik JKDM 2025-2027 dan melaksanakan program/tindakan yang telah ditetapkan. | Penolong-penolong Ketua Pengarah Kastam, Pengarah-pengarah Kastam Negeri, Pengarah AKMAL dan Ketua PCKP pula dikehendaki menyediakan Pelan Tindakan Strategik masing-masing berdasarkan Pelan Tindakan Strategik Bahagian-bahagian 2025–2027 mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing dengan melaksanakan program/tindakan yang telah ditetapkan. |

## LAPORAN PELAKSANAAN

| IBU PEJABAT | BAHAGIAN / NEGERI / AKMAL / PCKP |
|---|---|
| Bahagian Perancangan Korporat dikehendaki membentangkan prestasi dan pencapaian dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Aktiviti (*Activity Performance Management Committee*) di bawah *Outcome Based Budgeting* (OBB) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kastam Malaysia. | Jawatankuasa Pemantapan Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM Bahagian/ Negeri/AKMAL/PCKP dikehendaki membentangkan prestasi dan pencapaian dalam mesyuarat pengurusan di Bahagian/ Negeri yang dipengerusikan oleh Penolong Ketua Pengarah Kastam/Pengarah/Ketua PCKP.<br><br>Mesyuarat mestilah diadakan pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober setiap tahun.<br><br>Bahagian/Negeri dikehendaki mengemaskini laporan ini dalam sistem e-PTS dari semasa ke semasa. |

## KAEDAH PENGUKURAN PELAN STRATEGIK JKDM

Bagi program-program dalam pelan tindakan, JKDM menggunakan indikator berbentuk *output* dan *outcome* selaras dengan kehendak pemegang taruh yang mengutamakan *output* dan *outcome* dalam pelaksanaan program-program strategik.

Jadual di bawah menunjukkan **contoh pengukuran** *Output* Vs *Outcome* :

| ASPEK PERKHIDMATAN | SASARAN *OUTPUT* | SASARAN *OUTCOME* |
|---|---|---|
| **Memungut hasil cukai tidak langsung** | Jumlah pungutan hasil | Peningkatan pungutan hasil berbanding unjuran Kementerian Kewangan |
| **Pelepasan barang import/eksport** | 1. Bilangan borang pelepasan diproses<br>2. Masa pelepasan borang diproses | Peningkatan tahap kepuasan pelanggan |
| **Pengauditan pematuhan entiti perniagaan** | Bilangan entiti perniagaan yang diaudit | Peningkatan pematuhan entiti perniagaan |
| **Penyelenggaraan kemudahan kuarters Jabatan** | Jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk penyelenggaraan | Peningkatan tahap kepuasan pelanggan |
| **Pembangunan sumber manusia** | Bilangan pegawai yang dihantar berkursus | Jumlah pegawai mahir yang dapat dihasilkan selepas berkursus |

# MEKANISME PELAKSANAAN

## PENILAIAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK JKDM

### KAJIAN IMPAK

Kajian impak perlu dilaksanakan bagi menilai kebolehlaksanaan dan keberkesanan Pelan Strategik JKDM 2025–2027. Kajian ini bertujuan untuk menilai impak sebenar pelaksanaan pelan tersebut terhadap kumpulan sasaran, khususnya selepas tempoh pelaksanaan tamat. Penilaian ini merangkumi kesan program terhadap pemegang taruh, rakan strategik dan pemain industri serta menjadi asas penambahbaikan dasar dan hala tuju strategik Jabatan pada masa hadapan.

| IBU PEJABAT | BAHAGIAN / NEGERI / AKMAL / PCKP |
|---|---|
| • Kajian impak digalakkan dilaksanakan pada awal tahun 2028.<br>• Kajian impak hendaklah dilaksanakan oleh Seksyen Penyelidikan Sistem dan Prosedur (SPSP), Bahagian Perancangan Korporat. | • Kajian impak digalakkan dilaksanakan oleh Bahagian/Negeri/ AKMAL/PCKP. |

# MEKANISME PELAKSANAAN

**Analisis Prestasi Pelan Tindakan Strategik (PTS)**

Analisis prestasi bertujuan untuk menilai tahap dan prestasi pelaksanaan PTS masing-masing pada setiap tahun. Pengukuran analisis prestasi berdasarkan pengukuran *output* dan *outcome*.

| URUS SETIA INDUK | BAHAGIAN / NEGERI / AKMAL / PCKP |
|---|---|
| Bahagian Perancangan Korporat dikehendaki menganalisis prestasi keseluruhan pelaksanaan PTS JKDM pada setiap tahun. | Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah-pengarah Kastam Negeri, Pengarah AKMAL, Ketua PCKP juga dikehendaki menganalisis prestasi pelaksanaan PTS masing-masing pada setiap tahun. |

**Tafsiran Skala Pencapaian**

| TAHAP | KRITERIA | INDIKATOR | |
|---|---|---|---|
| 1 | PERANCANGAN | 🔴 | 1% - 25% |
| 2 | PELAKSANAAN AWAL | 🟡 | 26% - 50% |
| 3 | PELAKSANAAN BERJALAN LANCAR | 🟢 | 51% - 89% |
| 4 | PENCAPAIAN OBJEKTIF | 🔵 | 90% - 100% |

# PENUTUP

**“Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2025-2027 : Ke Arah Perkhidmatan Kastam Unggul”** ini merupakan usaha berterusan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan demi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar di bawah kepimpinan kerajaan. Ia menjadi teras dalam menyediakan perkhidmatan terbaik bagi memenuhi kehendak pemegang taruh, rakan strategik dan pelanggan JKDM.

Pelan Strategik JKDM 2025-2027 dibangunkan untuk mengurus dan melaksanakan program pembangunan secara holistik untuk tempoh tiga tahun. Ia menjadi rujukan utama pihak pengurusan untuk memacu usaha ke arah merealisasikan visi “Perkhidmatan Kastam Unggul”. Pelan Tindakan Strategik JKDM perlu berada di landasan yang betul bagi melaksanakan program-program mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Dalam menghadapi senario persekitaran global yang semakin mencabar serta harapan tinggi pemegang taruh, JKDM sentiasa bersedia melaksanakan perubahan dan penambahbaikan agar terus relevan. Pelaksanaan pelan strategik ini dipantau melalui penetapan sasaran dan pencapaian serta petunjuk prestasi yang jelas dan boleh diukur. Melalui pemantauan ini JKDM akan mengenal pasti sebarang isu dan masalah di peringkat pelaksanaan dan seterusnya mengambil langkah-langkah penambahbaikan yang bersesuaian agar pelaksanaan Pelan Strategik JKDM 2025-2027 tercapai. Setiap pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik JKDM berpaksikan kepada Visi dan Misi yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi JKDM.

JKDM akan terus memainkan peranan yang penting sebagai pemungut hasil utama negara khususnya cukai tidak langsung. Secara keseluruhannya, Pelan Strategik JKDM 2025-2027 akan menyatukan dan menggerakkan semua jentera pentadbiran JKDM di setiap peringkat iaitu Bahagian-Bahagian Ibu Pejabat, Negeri, AKMAL dan PCKP bagi memastikan Visi dan Misi JKDM direalisasikan.

Komitmen dan iltizam yang tinggi setiap warga JKDM merupakan elemen penting bagi memastikan Pelan Strategik JKDM yang digubal berjaya dilaksanakan dengan efisien dan seterusnya melonjakkan JKDM sebagai organisasi berprestasi tinggi ke arah Perkhidmatan Kastam Unggul.

# PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa syukur, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua ahli jawatankuasa dan pegawai yang terlibat dalam memberikan idea, komitmen dan kerjasama bagi membangunkan **Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2025-2027 : Ke Arah Perkhidmatan Kastam Unggul**.

JKDM turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kewangan Malaysia atas sokongan padu dan berterusan dalam memainkan peranan signifikan untuk memperkukuh kapasiti JKDM melalui jalinan kerjasama profesional dan teknikal.

Adalah menjadi harapan kami agar penerbitan buku Pelan Strategik ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada seluruh warga JKDM dalam merealisasikan visi dan misi JKDM ke arah Perkhidmatan Kastam Unggul.

# PENGHARGAAN

## JAWATANKUASA INDUK PELAN STRATEGIK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA TAHUN 2025-2027

**PENGERUSI**
YBHG. DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN
Ketua Pengarah Kastam

**NAIB PENGERUSI I**
DATO' AIDID BIN TAJUDDIN
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman & Cukai Dalam Negeri)

**NAIB PENGERUSI II**
TUAN RIBUAN BIN ABDULLAH
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan)

**PENASIHAT SEKRETARIAT**
TUAN MOHD DAUD BIN MOHD ARIF
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan)

**PENGERUSI SEKRETARIAT**
TUAN DURAIRAJOO A/L MUNIANDY
Pengarah Bahagian Perancangan Korporat

**SEKRETARIAT**
TUAN AZMI BIN HASHIM
TUAN AZMAN BIN ABDUL AZIZ
TUAN MOHD HEIKAL BIN MOHD ISA
PUAN HALIMAH BINTI AB GHANI
PUAN NOORAJLITA BINTI NASRON
PUAN INTAN BAIZURA BINTI JAILANI
TUAN HAFIZUL BIN ZAINORDIN
PUAN NOR FARAHINIE BINTI SAUPI
ENCIK MOHD SHUKRI BIN ISMAIL

# PENGHARGAAN

**BAHAGIAN PENGUATKUASAAN**

1. Puan Nor Shahila binti Abdul Latiff
2. Tuan Masrul Amri bin Kamarudin
3. Tuan Tajri bin Ellwey
4. Puan Rabitah Nor binti Othman
5. Puan Noor Azliza binti A.Aziz
6. Puan Wan Azlinda bin Osman
7. Tuan Hisyam bin Mohd Hashim
8. Puan Akma Zatulshima binti Ahmad Mansor
9. Tuan Muhammad Ar Maszizi bin Abd Aziz
10. Puan Leesyafiqah Leman binti Che Leman
11. Puan Nur Amalina binti Ahmad Maher
12. Tuan Mohd Zamri bin Shafii

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI**

1. Tuan Roslan bin Yusoff
2. Puan Siti Salasiah binti Wan
3. Puan Nasibah binti Yusop
4. Tuan Ahmad Syukri bin Idris
5. Puan Azlinda binti Mohd Nadzri
6. Puan Siti Suharti binti Sukir
7. Puan Zanariah binti Muhamad
8. Puan Nurzaliza binti Radzali
9. Tuan Faizal Rizwan bin Mohd Nasir
10. Tuan Khairul Azhar bin Mohd Ashari
11. Tuan Mohd Firdaus bin Mohd Yaacob
12. Tuan Fatihahtul Ahmad bin Abdul Mutthalib

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIK**

1. Tuan Bhaskaran a/l Vythilingam Pillai
2. Puan Zainah binti Abdullah
3. Puan Faridah binti Abu Bakar
4. Tuan Jamri bin Dasri
5. Tuan Mohamad Faiz bin Baharin
6. Tuan Hilmi Hafizudin bin Abdul Karim
7. Puan Yusmaliana binti Yahya
8. Puan Puvana a/p Ramachandran
9. Puan Zazlinda binti Aripin
10. Puan Nurwahida binti Mansor
11. Puan Farah Waheda binti Mohammad Isa
12. Puan Aminatul Aliza binti Mokhtar
13. Puan Sharifah Nuratul Adila binti Syed Alwi
14. Tuan Muhammad Shafuan bin Muhd Suhaimin
15. Puan Wan Siti Aishah Noor binti Mohd Hassan
16. Puan Nor Azla Fazlena binti Kamaruddin
17. Puan Azatol Akma binti Shaari

**BAHAGIAN PENGURUSAN PEMATUHAN**

1. Tuan Ahmad Rofaie bin Ibrahim
2. Tuan Mohd Hisham bin Mohd Nor
3. Puan Sabariah binti Md Yusof
4. Puan Ezdiani Ilyana binti Mohd Dom
5. Tuan Saiful Hazmi bin Salleh
6. Puan Nur Azreen binti Hashim
7. Puan Kohila a/p Rajaram
8. Puan Nurhazwani binti Abdul Samad
9. Puan Amalina binti Abdullah
10. Puan Wan Nur Husna binti Wan Ibrahim

**BAHAGIAN PERKASTAMAN**

1. Puan Suraya binti Mohd Zain
2. Puan Noor Hidayah binti Aziz
3. Tuan Razlan bin Mohammed
4. Puan Aziera binti Ahmad
5. Tuan Mohammad Hafiz bin Abu Hassan
6. Puan Noraini binti Ahmad
7. Tuan Ahmad Firdauz bin Ja'afar
8. Tuan Jowel bin Nooh
9. Puan Nur Rabi'atul Adawiya binti Rashid
10. Tuan Muhammad Iqbal bin Mohd Termizi

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA**

1. Tuan Mohd Khairul Hisyam bin Mohd Gazali
2. Tuan Mohd Diqi bin Mohamed Said
3. Tuan Mohd Badrulnizam bin Mohd Nasir
4. Tuan Md. Haryadi Solehin bin Jamilin
5. Puan Norazreenawaty binti Md Yusop
6. Puan Noorazian binti Giman
7. Tuan Mohd Zairi bin Mohd Yunus
8. Tuan Zaim bin Lokman Hakim
9. Tuan Muhammad Ellias bin Ibrahim
10. Puan Norshazana binti Abd. Halim

**BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT**

1. Tuan Abdul Jalil bin Rejab
2. Tuan Mohammad Furiman bin Hattar
3. Tuan Roslan bin Mohd Yusoff
4. Tuan Mohd Anuar bin Ismail
5. Tuan Misman bin Miskam
6. Puan Aishah binti Atan
7. Tuan Anizal bin Zainal Abidin
8. Tuan Kamsani bin Kamaruddin
9. Tuan Pragkash a/l Ramachandran
10. Tuan Bustamam bin Razman
11. Puan Nooramilia binti Hamid
12. Tuan Mohd Faizal Adaries bin Salleh
13. Puan Halimah binti Ab Ghani
14. Puan Noorajlita binti Nasron
15. Tuan Mohd Khairi bin Tajudin
16. Ts. Dr. Mohd Hairul bin Hj Mohd Salleh
17. Tuan Hafizul bin Zainordin
18. Puan Intan Baizura binti Jailani
19. Puan Norfarahinie binti Saupi
20. Encik Mohd Shukri bin Ismail

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**

1. Puan Wan Aminah binti Junidin
2. Tuan Hairil Fazli bin Haron
3. Puan Subasiny a/p Subramaniam
4. Tuan Mohamad Fadzlan bin Yaakob
5. Tuan Saifulhilmi bin Abu Bakar
6. Tuan Hafidzulhajj bin Razali
7. Tuan Norzikri bin Sairi
8. Puan Rahayu binti Mohmad Shah
9. Puan Juliana binti Zolkiffli
10. Puan Thevi a/p Maruthiayah

**AKADEMI KASTAM DIRAJA MALAYSIA (AKMAL)**

1. Dr. Noor Azman bin Ahmad
2. Puan Emifakinah binti Mohamed Eusoff
3. Puan Mastora binti Ali
4. Puan Kohila a/p Swaminathan
5. Puan Aida binti Md Hanafiah
6. Puan Sri Haryani binti Yahya
7. Puan Ainol Hapsah binti Mohd Aris
8. Puan Aini Raudhah binti Roslam
9. Tuan Mohd Syafiq bin Azmi
10. Tuan Syaril bin Zainal

**CAWANGAN INTEGRITI**

1. Tuan Zaidi bin Hussin
2. Puan Azrina binti Md. Jais
3. Tuan Muhammad Farhan bin Izhar
4. Tuan Mohd Samsol bin Md Muzer
5. Tuan Md Hany bin Samid
6. Tuan Amir Hussein bin Mohd Shariff
7. Puan Farah Nadiah binti Abu Makhfud
8. Tuan Azmil Azrin bin Rusli
9. Puan Shatirah binti Haron Helmi
10. Tuan Muhammad Khairul Farhan bin Mohd Rakbi

# RUJUKAN


**Berita RTM. (2024). Belanjawan 2025: Menyeluruh, inklusif kemudi ekonomi negara ke tahap lebih baik.**

https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/belanjawan-2025-menyeluruh-inklusif-kemudi-ekonomi-negara-ke-tahap-lebih-baik

**Berita Harian. (2024). PM arah Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia memulakan tugas.**

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1241838/pm-arah-agensi-pintu-masuk-dan-sempadan-malaysia-memulakan-tugas

**BERNAMA. (2025). Pelaksanaan AKPS akan diperluas di pintu masuk negara – Saifuddin Nasution.**

https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2388582

**Department of Statistics Malaysia. (2025). Annual Nominal GDP & GNI: 1947 to Present.**

https://data.gov.my/data-catalogue/gdp_gni_annual_nominal

**Department of Statistics Malaysia. (2024). Gross Domestic Product (GDP), Malaysia 2015–2023.**

https://storage.dosm.gov.my/gdp/gdp_2023.pdf

**Department of Statistics Malaysia. (2024). Statistics of Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia 2023. Department of Statistics Malaysia.**

**Ministry of Science, Technology and Innovation Malaysia (2021). Artifical Inteligence- Malaysia National Roadmap 2021-2025 (AI-RMAP). Ministry of Science, Technology and Innovation Malaysia (MOSTI).**

**Prime Minister's Office of Malaysia. (2023). Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.**

https://www.pmo.gov.my/membangun-malaysia-madani/ekonomi-madani-memperkasa-rakyat/

# RUJUKAN

**World Bank. (2020). Doing Business 2020: Economy profile of Malaysia. World Bank Group.**
**World Customs Organization. (n.d.). WCO Performance Measurement Mechanism (PMM).**

https://www.wcoomd.org/en/topics/capacity-building/instrument-and-tools/pmm.aspx

**World Economic Forum. (2018). The Global Competitiveness Report 2018.**

https://www3.weforum.org/docs/GCR2018/05FullReport/TheGlobalCompetitivenessReport2018.pdf

**World Economic Forum. (2019). The Global Competitiveness Report 2019.**

https://www3.weforum.org/docs/WEF_TheGlobalCompetitivenessReport2019.pdf


JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
BERHENTI

# JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 3, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
62596 PUTRAJAYA

1-300-888-500

www.customs.gov.my
cpa@customs.gov.my

JabatanKastamDirajaMalaysia
kastam.malaysia.official
kastammalaysiaofficial